



**SIARAN MEDIA**

*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN KEDUA 2022**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
SECOND QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN KEDUA 2022**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA: PRESTASI JUALAN RUNCIT MENURUN PADA SUKU TAHUN KEDUA  
2022 BERIKUTAN KEKURANGAN PERMINTAAN DOMESTIK**

1. Pada suku tahun kedua (Q2) 2022, prestasi jualan runcit menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 4.1 peratus dengan anggaran nilai menurun daripada BND488.2 juta kepada BND468.3 juta. Dari segi volum jualan, ianya juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 6.8 peratus tahun-ke-tahun.
2. Penurunan jualan runcit didorong terutamanya oleh penurunan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 12.6 peratus, diikuti dengan penurunan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 9.4 peratus; jualan di Stesen Minyak 8.1 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 6.8 peratus. Penurunan ini adalah berikutan kekurangan permintaan domestik selaras dengan pengurangan sekatan pergerakan rentas sempadan dan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (*online*) yang masih dilaksanakan sehingga pertengahan bulan Mei 2022. Di samping itu, volum jualan bagi aktiviti-aktiviti runcit ini juga mencatatkan penurunan.
3. Bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah meningkat sebanyak 0.2 peratus berbanding suku tahun kedua (Q2) 2021 dengan anggaran hasil jualan meningkat daripada BND98.5 juta kepada BND98.7 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.1 peratus tahun-ke-tahun.

4. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah terutamanya disebabkan oleh hasil jualan jualan bagi Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan yang meningkat sebanyak 2.3 peratus dan hasil jualan Restoran 0.8 peratus. Peningkatan ini adalah berikutan ketiadaan had kapasiti bermula awal bulan Jun 2022.
5. Berbanding dengan suku tahun pertama (Q1) 2022, jualan runcit pada suku tahun kedua (Q2) 2022 telah meningkat sebanyak 4.0 peratus disebabkan oleh peningkatan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 29.9 peratus; jualan di Stesen Minyak 19.5 peratus; jualan Peralatan Perabot dan Rumah 14.4 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 7.2 peratus.
6. Manakala bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus pada suku tahun kedua (Q2) 2022 berbanding suku tahun pertama (Q1) 2022 terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil jualan bagi Aktiviti Perkhidmatan Katering sebanyak 19.4 peratus; Aktiviti Penyajian Minuman 14.7 peratus; Restoran 7.1 peratus; dan Kedai Makanan Segera 4.1 peratus.
7. Berbanding dengan suku tahun pertama (Q1) 2022, peningkatan pada aktiviti jualan runcit dan perkhidmatan makanan & minuman ini adalah berikutan peningkatan permintaan domestik selaras dengan pengurangan langkah-langkah pengawalan seperti peningkatan kapasiti bagi kemasukkan pelanggan ke premis-premis peniagaan iaitu daripada 75 peratus kepada kapasiti penuh dengan tamatnya Fasa Awal Endemik COVID-19.
8. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX**  
**SECOND QUARTER 2022**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**HEADLINE: THE PERFORMANCE OF RETAIL SALES DECREASED IN THE SECOND QUARTER OF 2022 DUE TO LACK OF DOMESTIC DEMAND**

1. *In the second quarter (Q2) 2022, the performance of the retail sales showed a year-on-year decrease of 4.1 per cent with an estimated value decreased from BND488.2 million to BND468.3 million. In terms of volume, the retail sales also recorded a negative growth of 6.8 per cent year-on-year.*
2. *The decline in retail sales was mainly caused by a drop in sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 12.6 per cent, followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 9.4 per cent; sales at Petrol Station 8.1 per cent; and sales in Department Store 6.8 per cent. The decline was due to lack of domestic demand in line with the easing of cross-border travel restrictions and online learning and teaching which was still continued and conducted until the mid of May 2022. In addition, the sales volume of these retail activities also registered a decrease.*
3. *As for the food and beverages services, it has increased by 0.2 per cent compared to Q2 2021 with an estimated sales revenue increased from BND98.5 million to BND98.7 million. However, in terms of volume, food and beverages activity recorded a negative growth of 1.1 per cent year-on-year.*

4. *The increase in sales revenue of food and beverages was mainly attributed by the increase in the sales revenue of Other Food Service Activities by 2.3 per cent and sales revenue of Restaurants by 0.8 per cent. The increase was as a result of no dine-in capacity limitations starting early June 2022.*
5. *Compared to the first quarter (Q1) 2022, the retail sales in Q2 2022 has recorded an increase of 4.0 per cent mainly due to an increase in the sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 29.9 per cent; sales at Petrol Station 19.5 per cent; sales of Furniture and Household Equipment 14.4 per cent; and sales in Department Store 7.2 per cent.*
6. *As for the food and beverage services, it has also recorded an increase of 5.8 per cent in Q2 2022 compared to Q1 2022 mainly due to the increase in sales revenue of Catering Service Activities by 19.4 per cent; Beverage Serving Activities 14.7 per cent; Restaurants by 7.1 per cent; and Fast-Food Outlets 4.1 per cent.*
7. *Compared to Q1 2022, the increase in retail sales and food & beverage services activities was in line with the rise in domestic demand as most control measures were reduced, such as increasing the capacity for the entry of customers into business premises from 75 per cent to full capacity following the cessation of the COVID-19 Early Endemic Phase,*
8. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*